97 Prospek Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2008
99 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2008
109 Dasar Monetari Tahun 2008
111 Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia
112 Rencana: Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
115 Dasar Fiskal Tahun 2008

Prospek dan Dasar



PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2008

Sementara pertumbuhan dijangka sederhana dalam ekonomi negara maju pada tahun 2008, pertumbuhan dijangka terus kukuh di Asia dan ekonomi sedang pesat membangun. Namun, prospek pertumbuhan global akan bergantung pada tempoh dan kedalaman kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan takat impak kegawatan pasaran kewangan. Inflasi dijangka kekal tinggi berikutan harga minyak dan bahan makanan yang terus tinggi. Walaupun perkembangan ini mempunyai impak terhadap ekonomi rantau Asia, pertumbuhan di rantau ini akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan momentum pertumbuhan yang tinggi di ekonomi-ekonomi utama di rantau ini. Secara keseluruhan, pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana, mencerminkan persekitaran yang kurang memberangsangkan dalam ekonomi perindustrian utama dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global.

Sementara pertumbuhan dijangka sederhana dalam ekonomi maju pada tahun 2008, pertumbuhan dijangka terus kukuh di Asia dan ekonomi sedang pesat membangun lain. Namun, prospek pertumbuhan global akan bergantung pada tempoh dan kedalaman kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan takat impak kegawatan pasaran kewangan

Ekonomi **AS** dijangka terus lemah, dengan beberapa penunjuk memperlihatkan aktiviti perindustrian, guna tenaga dan penggunaan yang sederhana. Pembetulan pasaran perumahan dijangka berterusan memandangkan penawaran rumah melebihi permintaan, manakala pada masa yang sama, perbelanjaan isi rumah mungkin terjejas oleh keadaan pasaran pekerjaan yang makin lemah. Walau bagaimanapun, eksport bersih dijangka memberi sedikit sokongan berikutan dolar AS yang lemah dan permintaan yang berterusan hasil daripada pertumbuhan yang secara relatif lebih kukuh di negara-negara lain. Risiko kepada prospek pertumbuhan AS telah meningkat dengan ketara berikutan ketidakpastian mengenai takat impak masalah dalam pasaran kredit dan keupayaan sistem kewangan untuk menjadi pengantara kredit dan kesan limpahannya terhadap seluruh ekonomi. Kekangan kedudukan kewangan dan penghindaran risiko yang lebih ketara telah pun menyebabkan premium risiko yang lebih tinggi dan pengetatan standard kredit, yang melangkaui pinjaman perumahan, yang seterusnya akan memberikan kesan buruk terhadap ekonomi.

Namun, tindak balas dasar yang dilaksanakan dijangka memberikan sedikit sokongan kepada ekonomi. Ini termasuk langkah pelonggaran yang agresif oleh Federal Reserve AS dan pakej rangsangan fiskal yang diumumkan. Mekanisme penyelesaian yang munasabah juga sedang dibincangkan untuk menangani ketegangan dalam sistem kewangan.

Rajah 4.1
Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan Negara Perindustrian Utama (2007-2008)



a Anggaran
r Ramalan
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan di **kawasan euro** dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan, mencerminkan kelembapan ekonomi AS yang berterusan, serta beberapa perkembangan domestik dalam ekonomi euro. Permintaan eksport yang lebih rendah, khususnya dari AS, dan aktiviti pelaburan yang lebih perlahan dalam sektor pembinaan ekoran kelembapan pasaran perumahan yang lebih meluas dalam beberapa ekonomi Eropah, merupakan faktor-faktor utama yang menyebabkan prospek pertumbuhan yang lebih sederhana di kawasan euro. Walau bagaimanapun, aktiviti penggunaan di rantau ini akan disokong oleh kenaikan upah dan pengurangan dalam kadar pengangguran. Tambahan lagi, peningkatan integrasi ekonomi Eropah Tengah dan Timur ke dalam Kesatuan Eropah akan menyokong pertumbuhan ekoran pengembangan perdagangan antara EU. Selain permintaan dalam negeri yang kukuh dan adanya tenaga kerja mahir dengan upah yang secara relatif rendah, penyusunan semula dan pembaharuan ekonomi yang sedang berjalan dalam ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun di Eropah telah menarik syarikat-syarikat Eropah Barat untuk memulakan perniagaan dan memperluas rangkaian pengeluaran dalam ekonomi-ekonomi ini.

Berbeza dengan perkembangan dalam ekonomi maju utama, momentum pertumbuhan di **rantau Asia** dijangka secara relatif mampan pada tahun 2008. Kesan kelembapan di AS dijangka dapat dikurangkan oleh pertumbuhan kukuh di RR China dan India bersama-sama dengan pengembangan ekonomi yang memberangsangkan dalam negara-negara pengeksport komoditi.

Prospek bagi ekonomi **RR China** terus positif dengan jangkaan pertumbuhan yang terus tinggi, meskipun terdapat sedikit penyederhanaan dalam permintaan luar negeri dan kesan daripada pengetatan monetari. Perbelanjaan pelaburan dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan RR China memandangkan terdapat keperluan besar untuk pembangunan infrastruktur dan penambahbaikan perindustrian. Penggunaan swasta dijangka memberikan sumbangan lebih besar kepada aktiviti ekonomi, memandangkan pertumbuhan diimbangi semula secara beransur-ansur daripada didorong oleh pelaburan kepada didorong oleh penggunaan. Pendapatan isi rumah dan taraf hidup yang meningkat akan menyokong aktiviti pengguna yang lebih giat apabila usaha kerajaan untuk mengagih semula pertumbuhan ke wilayah yang kurang membangun mula memberikan kesan yang meluas. Namun, pertumbuhan eksport dijangka menjadi sederhana pada tahun 2008 ekoran permintaan luar negeri yang perlahan dan usaha kerajaan untuk mengurangkan lebihan akaun semasa. Meskipun begitu, terdapat peningkatan kebimbangan terhadap inflasi dalam negeri disebabkan oleh harga makanan yang semakin tinggi dan tekanan permintaan yang kukuh.

India, yang makin menjadi pemacu pertumbuhan dalam rantau ini juga dijangka mencatat prestasi ekonomi yang kukuh pada tahun 2008, disokong terutamanya oleh pengembangan pelaburan dan perindustrian. Pertumbuhan juga dijangka disokong oleh permintaan pengguna yang kukuh. Pertumbuhan di rantau **Amerika Latin** dan **Timur Tengah** juga dijangka terus kukuh, disokong oleh penggunaan dalam negeri yang teguh hasil daripada harga komoditi dan tenaga yang tinggi.

Sementara itu, **ekonomi-ekonomi rantau Asia** lain dijangka mengalami sedikit penyederhanaan dalam pertumbuhan, mencerminkan kelembapan permintaan luar negeri. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan keseluruhan dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Harga

Rajah 4.2
Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan
[1] Untuk tahun 2007/2008
[2] Untuk tahun 2006/2007
Sumber: Pihak berkuasa negara

komoditi dijangka terus tinggi secara relatif, lantas menambah dorongan pertumbuhan dalam beberapa ekonomi pengeluar komoditi. Trend dalam industri separa konduktor global juga menyarankan bahawa pemulihan sederhana yang berterusan boleh dijangka kerana permintaan terhadap keluaran elektronik pengguna lazimnya lebih kukuh pada tahun berlangsungnya sukan Olimpik. Ini akan menyokong eksport elektronik dalam beberapa ekonomi serantau yang merupakan pengeluar keluaran tersebut. Sementara itu, permintaan dalam negeri dijangka memainkan peranan penting dalam mengurangkan impak penyederhanaan dalam permintaan luar negeri. Aktiviti penggunaan yang lebih giat dijangka terus disokong oleh kenaikan pendapatan dan keadaan pasaran pekerja yang teguh seperti dilihat dalam kadar pengangguran yang secara amnya rendah di seluruh rantau. Pelaksanaan projek infrastruktur merentas rantau menambah sokongan terhadap aktiviti pelaburan. Selain itu, fleksibiliti dalam dasar fiskal dapat dijangka memandangkan beberapa ekonomi serantau telah menambah baik kedudukan fiskal masing-masing dalam beberapa tahun ini, sementara dasar monetari kekal akomodatif dalam beberapa ekonomi serantau. Pelonggaran dasar monetari yang ketara di Filipina, Thailand dan Indonesia pada tahun 2007 akan merangsang lagi pertumbuhan pada tahun 2008.

Pada tahun 2008, **inflasi** global dan serantau dijangka terus meningkat berikutan kesan sampingan daripada harga komoditi pada separuh kedua tahun 2007 dan jangkaan harga minyak dan bahan makanan yang berterusan tinggi. Harga minyak dijangka terus mengalami tekanan daripada pertumbuhan permintaan yang mampan, kekangan penawaran dan kemungkinan berlakunya kejutan dari segi penawaran. Sementara penyederhanaan pertumbuhan global yang ketara boleh menyebabkan sedikit pembetulan dalam harga komoditi yang berada pada paras tertinggi kebelakangan ini, trend yang ada menyarankan bahawa paras harga akan terus tinggi. Paras harga juga mungkin akan terus disokong dalam jangka lebih panjang oleh kemunculan komoditi sebagai kelas aset yang kian berkembang bagi tujuan pempelbagaian dan peningkatan pulangan oleh pengurus dana. Oleh itu, tekanan inflasi akan berterusan, manakala risiko kepada pertumbuhan telah meningkat. Berdepan dengan persekitaran ini, tindakan dasar monetari dijangka berbeza berdasarkan keadaan khusus sesebuah negara dan imbangan antara risiko kepada inflasi dengan risiko kepada pertumbuhan.

Meskipun terdapat trend ini, beberapa **risiko** telah menambah ketidakpastian akan prospek global dan serantau. Sekiranya berlaku tempoh pertumbuhan di bawah trend yang berlarutan dalam ekonomi AS, serta diiringi oleh kelembapan yang lebih buruk dalam ekonomi perindustrian lain, impak terhadap pertumbuhan seluruh rantau ini akan menjadi lebih besar kerana hubungan perdagangan dengan ekonomi maju masih kukuh. Satu lagi risiko ialah impak yang lebih buruk daripada gangguan yang berlaku dalam perjalanan pasaran kewangan dan proses pengantaraan kewangan. Perkembangan selanjutnya yang mengekang kredit dalam sektor kewangan di beberapa ekonomi utama boleh mencetuskan ketidaktentuan pasaran kewangan yang lebih meluas dan menjejaskan sentimen perniagaan dan pengguna, di samping berkemungkinan memanjangkan tempoh kelembapan aktiviti ekonomi memandangkan lebih banyak segmen aktiviti pembiayaan akan terjejas. Namun, sekiranya berlaku pembetulan harga komoditi yang lebih besar daripada jangkaan, ekonomi negara-negara pengeluar komoditi akan terjejas.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2008

Prospek bagi ekonomi Malaysia pada tahun 2008 terus memberangsangkan. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, prospek ini akan dipengaruhi oleh tahap ketidakpastian semasa yang tinggi dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global, termasuk masalah berkaitan pasaran kredit dan institusi kewangan antarabangsa. Ketidakpastian ini memberikan sedikit impak kepada Malaysia, terutamanya melalui hubungan perdagangan dan pasaran kewangan.

Daya tahan ekonomi Malaysia untuk mengharungi kelembapan dalam ekonomi global telah menjadi lebih kukuh sejak beberapa tahun lalu, disebabkan beberapa faktor. Pertama, kemunculan permintaan dalam negeri sebagai pendorong utama pertumbuhan. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 6.3% pada tahun 2007 dicapai melalui pengembangan kukuh dalam aktiviti dalam negeri, sekalipun permintaan luar negeri sederhana. Kedua, pasaran eksport

Malaysia semakin pelbagai, dengan hampir 54% daripada jumlah eksport adalah ke ekonomi Asia (tidak termasuk Jepun) (2001: 46.2%). Sementara itu, bahagian eksport Malaysia ke AS berkurang kepada 15.6% pada tahun 2007 daripada 20.2% pada tahun 2001. Oleh itu, meskipun pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana pada tahun 2008, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan di AS dan sebahagiannya di Eropah dan Jepun, prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh di rantau Asia dan ekonomi sedang pesat membangun lain akan menyokong sektor eksport. Ketiga, Malaysia sebagai pengeluar komoditi akan terus mendapat manfaat daripada harga minyak mentah, minyak sawit dan getah yang tinggi. Selain itu, asas kukuh sektor komoditi juga akan membantu untuk terus memperkukuh rantaian dengan aktiviti hiliran, termasuk industri berasaskan sumber yang akan terus mendapat manfaat daripada permintaan dalam negeri yang kukuh serta permintaan daripada ekonomi serantau.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencapai pertumbuhan yang mapan, berkembang 5 – 6% pada tahun 2008, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

Berdepan dengan persekitaran ini, ekonomi Malaysia dijangka berkembang 5 – 6% pada tahun 2008. Permintaan dalam negeri dijangka terus berdaya tahan lantas memberikan sokongan kukuh kepada ekonomi. Walaupun sentimen pengguna dan perniagaan boleh terjejas oleh prospek ekonomi global yang lebih lembap daripada jangkaan dan ketidakpastian dalam pasaran kewangan antarabangsa, faktor-faktor asas utama yang menyokong aktiviti sektor swasta dalam negeri dijangka secara amnya terus utuh pada tahun 2008. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil, keadaan pasaran pekerja yang teguh, harga komoditi yang tinggi serta persekitaran pembiayaan yang kondusif. Kepelbagaian dan tahap pelaburan dalam negeri dan pelaburan langsung asing yang tinggi yang diluluskan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan minyak dan gas, menyarankan bahawa aktiviti pelaburan swasta akan terus kukuh pada tahun 2008. Selain itu, pelaburan swasta juga akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan langkah-langkah untuk menambah baik lagi persekitaran perniagaan, termasuk pengurangan kadar cukai korporat, dan juga pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan koridor ekonomi yang lebih giat. Sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan dengan memudahkan pelaksanaan projek-projek ini secara yang cekap.

Kesemua sektor diramal mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2008, kecuali sektor perkilangan yang diramal meningkat dengan sederhana sebanyak 1.8% (2007: 3.1%) sejajar dengan kelemahan dalam permintaan luaran. Sektor perkhidmatan akan disokong oleh penggunaan swasta yang berdaya tahan dan sektor pelancongan yang kukuh, manakala pelaksanaan projek-projek RMKe-9 serta pelaburan dalam sektor minyak dan gas akan menyokong momentum pertumbuhan dalam sektor pembinaan. Sektor pertanian dan perlombongan akan mencatat pertumbuhan lebih kukuh berikutan jangkaan pengeluaran minyak sawit, getah dan minyak mentah yang lebih tinggi.

Inflasi global yang terus tinggi berdasarkan jangkaan bahawa harga komoditi dan bukan komoditi akan terus tinggi, dijangka memberikan tekanan menaik terhadap inflasi dalam negeri. Perkembangan ini khususnya, dijangka mempunyai kesan terhadap harga makanan dalam negeri. Walau bagaimanapun, keupayaan pengeluar untuk memindahkan kenaikan kos kepada harga pengguna banyak bergantung kepada kekukuhan permintaan penggunaan dan sejauh mana pengguna menggantikan penggunaan barangan yang lebih mahal kepada barangan yang lebih murah. Selain itu, pertumbuhan global yang lebih perlahan pada tahun 2008 juga boleh membendung kenaikan harga komoditi global. Secara keseluruhan, kadar inflasi keseluruhan purata pada tahun 2008 dijangka dalam julat 2.5 – 3%.

Bagi sektor luaran, permintaan terhadap barangan perkilangan yang lebih lemah, khususnya keluaran E&E, akan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang secara relatif kukuh dalam eksport komoditi dan barangan perkilangan bukan E&E. Akaun

perkhidmatan akan terus mencatat lebihan disebabkan oleh jangkaan perolehan sektor pelancongan yang lebih tinggi bersempena pelanjutan kempen Tahun Melawat Malaysia sehingga bulan Ogos 2008. Justeru, lebihan dalam akaun semasa dijangka kekal tinggi, sekalipun rendah sedikit pada 14.4% daripada PNK. Akaun kewangan dijangka terus menggalakkan, terutamanya hasil sokongan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan. Di samping itu, syarikat multinasional dijangka terus mengekalkan jumlah yang besar daripada keuntungan mereka di Malaysia pada tahun 2008. Aliran masuk modal ekuiti baharu untuk pemerolehan perniagaan domestik oleh pelabur asing juga dijangka pada tahun itu.

Terdapat ketidakpastian yang besar terhadap kedalaman dan tempoh kelembapan ekonomi AS, dan kesan limpahannya terhadap ekonomi maju lain dan juga ekonomi sedang pesat membangun. Oleh itu, jangkaan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5 – 6% bagi Malaysia pada tahun 2008 telah mengambil kira faktor itu dan menggunakan andaian bahawa ekonomi AS menjadi sederhana untuk mencatat pertumbuhan yang nyata di bawah trend pertumbuhan pada tahun itu, berdasarkan data terbaharu. Jangkaan ini juga mengandaikan bahawa langkah-langkah dasar yang diambil oleh pihak berkuasa AS akan mengurangkan tempoh kelembapan ekonomi di AS, dan dengan itu, di negara utama lain.

Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan yang lebih perlahan masih wujud, khususnya kemungkinan kelembapan ekonomi AS yang lebih berpanjangan dan lebih teruk, diiringi oleh pertumbuhan yang nyata lebih sederhana dalam ekonomi maju lain yang akan menyebabkan kesan limpahan lebih meluas daripada penghindaran risiko yang meningkat oleh pasaran kewangan antarabangsa, terhadap ekonomi global. Dalam senario ini, ekonomi Malaysia mungkin akan meningkat pada kadar yang lebih perlahan, hampir pada paras terendah julat ramalan. Namun, asas-asas Malaysia yang kukuh meletakkan ekonominya pada kedudukan yang teguh untuk menghadapi sebarang perkembangan global yang tidak dijangka. Pihak berkuasa juga mempunyai pilihan dasar untuk bertindak balas tepat pada masanya seperti yang diperlukan untuk menangani risiko pertumbuhan yang lebih perlahan yang mungkin muncul, dan dengan itu menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Faktor asas utama yang menyokong permintaan dalam negeri yang kukuh pada tahun 2007 dijangka terus utuh pada tahun 2008. Sektor swasta, khususnya perbelanjaan penggunaan, akan terus memacu permintaan dalam negeri, manakala sektor awam pula terus menyokong pertumbuhan melalui projek-projek RMKe-9 yang sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, prospek kelembapan ekonomi AS yang lebih teruk daripada jangkaan, pertumbuhan yang sederhana dalam ekonomi maju lain, dan peningkatan ketidakpastian boleh mempunyai kesan terhadap permintaan dalam negeri. Berdepan dengan senario itu, agregat permintaan dalam negeri dijangka berkembang pada kadar sederhana sebanyak 5.6% pada tahun 2008.

Pertumbuhan dalam perbelanjaan **penggunaan swasta** dijangka menjadi sederhana namun tetap pada kadar tinggi sebanyak 6.5% pada tahun 2008. Perbelanjaan isi rumah akan terus disokong oleh peningkatan yang stabil dalam pendapatan boleh guna dan prospek pekerjaan yang menggalakkan kerana keadaan pasaran pekerja dalam negeri dijangka terus mantap pada tahun itu. Permintaan

Jadual 4.1
KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2000=100)

	2007*a*	2008*r*	2007*a*	2008*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**10.5**	**5.6**	**8.8**	**4.9**
Perbelanjaan sektor swasta	11.8	6.5	7.1	4.1
Penggunaan	*11.7*	*6.5*	*5.7*	*3.3*
Pelaburan	*12.3*	*6.3*	*1.4*	*0.8*
Perbelanjaan sektor awam	7.2	3.5	1.7	0.8
Penggunaan	*6.4*	*6.0*	*0.8*	*0.8*
Pelaburan	*8.0*	*0.5*	*0.9*	*0.1*
Perubahan dalam stok			**-2.6**	**1.8**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**0.9**	**-8.4**	**0.1**	**-1.3**
Eksport	3.7	0.9	4.6	1.1
Import	4.1	2.3	4.5	2.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**6.3**	**5 - 6**	**6.3**	**5 - 6**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4.3
KDNK Benar dan Penggunaan Swasta



a Awalan
r Ramalan

terhadap pekerja daripada kebanyakan sektor ekonomi akan terus kukuh, khususnya daripada sektor perkhidmatan yang biasanya berintensif pekerja. Walau bagaimanapun, sektor perkilangan dijangka mencatat pengambilan pekerja yang lebih sederhana. Sementara itu, pelaksanaan projek-projek RMKe-9 dan pelbagai projek koridor ekonomi akan mendorong pewujudan peluang pekerjaan baharu yang lebih tinggi merentas pelbagai kategori pekerjaan dan industri, khususnya dalam industri pembinaan; industri berkaitan pembinaan; dan perkhidmatan profesional. Oleh itu, kadar pengangguran akan terus rendah pada 3.2% daripada tenaga kerja. Memandangkan keadaan pasaran pekerja adalah kukuh, pertumbuhan keseluruhan bagi upah sektor swasta dijangka stabil sekitar 5.8%.

Faktor-faktor yang menyokong permintaan dalam negeri yang kukuh terus utuh pada tahun 2008, meskipun persekitaran luar negeri kurang kondusif

Impak positif pelarasan gaji menaik untuk kakitangan awam pada bulan Julai 2007 akan berterusan hingga tahun 2008, khususnya pada separuh tahun pertama. Tambahan pula, isi rumah dalam kawasan luar bandar akan terus menikmati pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan disebabkan jangkaan harga komoditi terus tinggi pada tahun 2008. Faktor lain yang menyokong pertumbuhan penggunaan swasta termasuk pelonggaran dasar yang membenarkan pengeluaran bulanan untuk pembayaran balik pinjaman perumahan daripada Akaun 2 KWSP, serta persekitaran pembiayaan yang kondusif dengan kadar faedah yang rendah dan stabil. Kedudukan kewangan isi rumah juga dijangka terus kukuh seperti dicerminkan oleh paras hutang yang stabil dan pinjaman tak berbayar yang rendah bagi kredit penggunaan dan kad kredit. Tambahan pula, acara-acara promosi sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 yang dilanjutkan sehingga bulan Ogos 2008, akan terus menyokong aktiviti pelancongan dan penggunaan dalam negeri.

Pelaburan swasta dijangka berterusan pada tahun 2008, sekalipun pada kadar pengembangan yang lebih perlahan. Peningkatan dalam aktiviti pelaburan akan disokong oleh iklim perniagaan yang secara amnya menggalakkan dan inisiatif properniagaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Khususnya, pengurangan cukai pendapatan korporat secara berperingkat-peringkat kepada 26% pada tahun 2008 dan 25% pada tahun 2009 dijangka merangsang aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta. Selain itu, pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 dan dalam pelbagai pelan pembangunan koridor ekonomi dijangka menjadi lebih giat pada tahun itu lantas memperkukuh aktiviti pelaburan sektor swasta, khususnya dalam sektor pembinaan. Perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan terus berdaya tahan, berdasarkan kelulusan pelaburan yang tinggi dalam dua tahun kebelakangan ini. Pada

Rajah 4.4
Penunjuk Hutang Isi Rumah



tahun 2006-2007, jumlah pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam sektor perkilangan berjumlah RM105.9 bilion. Sementara itu, program penambahan bilangan kapal laut dan kapal terbang oleh penyedia perkhidmatan perkapalan dan udara akan menjadi pemacu utama perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan. Dalam sektor perlombongan, pelaburan dalam sektor huluan minyak dan gas dijangka pesat disebabkan oleh aktiviti cari gali huluan yang giat, khususnya dalam kawasan laut dalam.

Dari segi perbelanjaan sektor awam, **penggunaan awam** dijangka meningkat 6% pada tahun 2008, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan dijangka menyumbang ke arah penambahbaikan kemudahan sokongan dan sistem penyampaian sektor awam.

Bagi **pelaburan awam** pada tahun 2008, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan terus meningkat dan ini disalurkan terutamanya ke arah penambahbaikan sektor ekonomi dan perkhidmatan sosial. Peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan dalam sektor ekonomi terutamanya adalah untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di bawah RMKe-9 dan pelbagai koridor ekonomi serta untuk memperkasakan semula sektor pertanian. Dalam sektor perkhidmatan sosial, sebahagian besar daripada perbelanjaan akan digunakan untuk menyediakan perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan, dan pembinaan rumah mampu milik, dengan menekankan penambahbaikan dalam pembangunan sumber manusia dan kemudahan asas. Perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan akan menjadi lebih tinggi pada tahun 2008, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, dan sektor perkhidmatan. Perbelanjaan modal oleh PETRONAS dalam sektor huluan minyak dan gas dijangka meningkat disebabkan aktiviti cari gali dan pengeluaran yang lebih pesat. Sementara itu, pelaburan yang lebih tinggi dijangka dibuat bagi penambahan rangkaian komunikasi dan penyediaan perkhidmatan utiliti.

Prospek Mengikut Sektor

Dari segi pengeluaran, kesemua sektor ekonomi, kecuali perkilangan, dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi. Pertumbuhan akan terus dipacu oleh sektor perkhidmatan, didorong selanjutnya oleh sektor pembinaan, perlombongan dan pertanian. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan akan disokong oleh penggunaan swasta yang berdaya tahan dan aktiviti pelancongan yang kukuh, manakala pelaburan yang didorong oleh sektor awam dan sektor swasta akan menyokong momentum pertumbuhan dalam sektor pembinaan. Sebaliknya, sektor perkilangan dijangka mencatat pengembangan lebih sederhana dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah, khususnya dari Amerika Syarikat. Permintaan dalam negeri yang kukuh dan pertumbuhan ekonomi serantau akan menyokong pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber tertentu, justeru mengurangkan sebahagian daripada risiko pertumbuhan yang lebih rendah ekoran jangkaan kelembapan industri elektronik dan elektrik (E&E). Di samping itu, pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi, serta faktor penawaran yang positif, seperti pemulihan dalam kitaran hasil minyak sawit dan keadaan cuaca yang bertambah baik bagi getah, masing-masing akan menyokong pertumbuhan sektor perlombongan dan pertanian.

Momentum pertumbuhan **sektor perkhidmatan** yang kukuh dijangka dapat dikekalkan, berkembang sebanyak 7.7% dan menyumbang 4.1 mata peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK. Hasilnya, bahagian sektor perkhidmatan kepada KDNK dijangka meningkat kepada 54.5% (2007: 53.4%). Pertumbuhan sektor ini yang kukuh akan disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelancongan pada tahun itu, serta rangsangan

Jadual 4.2
KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2007*a*	2008*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	2.2	3.4
Perlombongan dan kuari	3.2	6.0
Perkilangan	3.1	1.8
Pembinaan	4.6	5.5
Perkhidmatan	9.7	7.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar (KDNK)	**6.3**	**5 - 6**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

daripada bidang pertumbuhan baharu. Aktiviti dalam bidang pertumbuhan baharu, seperti kewangan Islam, telekomunikasi, perkhidmatan IT, perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (shared services and outsourcing, SSO) dan perkhidmatan profesional, dijangka bertambah giat pada tahun 2008.

Sektor perkhidmatan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2008, dan diperkukuh oleh pertumbuhan sektor pembinaan dan komoditi yang lebih tinggi

Subsektor kewangan dan insurans akan menerima manfaat daripada jangkaan pertumbuhan mapan dalam aktiviti pemberian pinjaman bank dan aktiviti bank berasaskan fi, sejajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi dalam negeri. Permintaan terhadap pembiayaan dijangka disokong oleh kedudukan kewangan isi rumah dan perniagaan yang kukuh serta persekitaran kadar faedah yang rendah. Pertumbuhan akan terus dipertingkatkan oleh pembangunan kewangan Islam, dengan penyertaan bank-bank Islam baharu dan aktiviti pasaran modal Islam yang dijangka kukuh berikutan pelaksanaan inisiatif untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Sementara itu, segmen insurans dijangka disokong oleh jangkaan pemulihan dalam insurans motor sejajar dengan jualan kereta yang lebih tinggi serta permintaan terhadap produk insurans berkaitan dengan pelaburan dan tabungan lain untuk tujuan pendidikan dan kesihatan.

Momentum pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang kukuh dijangka berterusan. Peningkatan urus niaga harta tanah berikutan insentif yang diumumkan pada tahun 2007, serta insentif baharu yang berkuat kuasa pada tahun 2008, termasuk pengeluaran simpanan KWSP untuk pembayaran balik ansuran bulanan pinjaman perumahan, serta pengecualian cukai setem sebanyak 50% untuk harta kediaman di bawah RM250,000, akan menyokong aktiviti harta tanah. Segmen perkhidmatan perniagaan dijangka dipertingkatkan oleh pertumbuhan dalam perkhidmatan IT serta perkhidmatan profesional ekoran aktiviti dalam sektor pembinaan, minyak dan gas, serta SSO yang lebih giat.

Prospek bagi subsektor pengangkutan dan penyimpanan terus menggalakkan, diterajui oleh segmen pengangkutan penumpang. Liberalisasi laluan udara Kuala Lumpur-Singapura dan bermulanya perkhidmatan kereta api baharu bagi laluan Ipoh-Rawang berikutan penyiapan projek laluan berkembar merupakan faktor positif yang akan menarik minat lebih banyak orang untuk mengembara. Subsektor komunikasi dijangka disokong oleh pengenalan teknologi baharu seperti teknologi *WiMax* dan rangkaian mudah alih, serta inovasi oleh peserta pasaran baharu seperti pengendali rangkaian mudah alih maya.

Segmen perkhidmatan akhir dijangka terus berkembang pesat sejajar dengan trend dalam penggunaan swasta. Yang ketara, segmen automotif dijangka bertambah baik berikutan pasaran kereta terpakai yang sudah pun stabil, pelancaran model-model baharu dan pelarasan gaji menaik untuk kakitangan awam. Di samping itu, aktiviti pelancongan dijangka bertambah pesat, dengan Kerajaan menyasarkan untuk mencapai 22.5 juta ketibaan pelancong pada tahun 2008. Justeru, ini akan menyokong subsektor perdagangan borong dan runcit dan juga subsektor penginapan dan restoran.

Sektor perkilangan dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1.8% (2007: 3.1%) disebabkan prestasi industri berorientasikan eksport yang dijangka lemah dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi global yang diramalkan sederhana. Industri E&E khususnya, dijangka terus menjadi lemah memandangkan pertumbuhan yang lebih perlahan di AS. Kelemahan sektor isi rumah dan korporat di AS mungkin menjejaskan segmen komputer dan alat ganti bagi industri E&E, memandangkan sebahagian besar daripada keluaran ini dieksport ke AS. Walau bagaimanapun, kesannya dijangka dapat ditampung oleh pertumbuhan segmen separa konduktor yang mampan yang didorong oleh permintaan daripada rantau Asia Pasifik. Sukan Olimpik Beijing 2008 dan juga peningkatan penembusan telefon mudah alih dalam pasaran sedang pesat membangun dijangka menjana permintaan yang kukuh terhadap separa konduktor.

Di samping itu, industri bukan E&E, khususnya industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber tertentu yang mengeksport terutamanya ke rantau ini, dijangka menunjukkan prestasi yang baik pada tahun itu. Prestasi industri berkaitan dengan sektor pembinaan, termasuk industri logam yang direka dijangka bertambah baik kerana disokong aktiviti pembinaan yang lebih tinggi, manakala industri kelengkapan pengangkutan dijangka pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sejajar dengan peningkatan jualan kenderaan bermotor baharu pada tahun ini. Aktiviti pemprosesan di luar estet dijangka kukuh berikutan pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit dan getah. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor kimia dan keluaran kimia mungkin dikekang oleh kenaikan harga bahan mentah.

Pertumbuhan **sektor pertanian** dijangka bertambah kukuh kepada 3.4% disokong oleh pemulihan keluaran tanaman industri utama, iaitu minyak sawit dan getah. Dengan keadaan kitaran hasil menaik bagi pokok sawit, keluaran minyak sawit diramalkan meningkat lebih tinggi kepada 16.25 juta tan disokong oleh pemulihan hasil. Keluaran getah juga dijangka mencatat pertumbuhan yang positif dengan andaian keadaan cuaca yang normal akan menyokong hasil dan aktiviti penorehan. Unjuran harga yang tinggi juga dijangka dapat merangsang aktiviti penorehan pada tahun itu, terutamanya dalam kalangan pekebun kecil. Pertumbuhan dalam sektor pertanian juga dijangka berpunca daripada aktiviti berkaitan tanaman makanan seperti ternakan dan perikanan, disebabkan kaedah penternakan yang bertambah baik dan peningkatan kegiatan perikanan laut dalam.

Sektor perlombongan akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan peningkatan sebanyak 6%. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka meningkat 7.2% pada purata 743,000 tong sehari, disokong oleh pengeluaran yang lebih banyak daripada telaga minyak laut dalam di Kikeh, Sabah. Keluaran gas asli juga dijangka bertambah untuk memenuhi permintaan dari Korea dan Jepun, iaitu pengimport utama LNG Malaysia.

Sektor pembinaan diramalkan berkembang 5.5%, didorong terutamanya oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang lebih tinggi. Subsektor ini dijangka mendapat manfaat daripada aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 dan juga dalam sektor minyak dan gas. Pertumbuhan juga akan disokong oleh peningkatan dalam aktiviti subsektor bukan kediaman dan kediaman. Aktiviti subsektor bukan kediaman akan disokong oleh permintaan terhadap ruang pejabat, khususnya di Lembah Kelang, sementara aktiviti subsektor kediaman dijangka mendapat manfaat daripada langkah-langkah yang diambil Kerajaan pada tahun 2007 untuk merangsang subsektor kediaman.

Imbangan Pembayaran

Dari segi sektor luar negeri, sejajar dengan ekonomi global yang perlahan, eksport dan import dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, masing-masing sebanyak 1.8% dan 1.4% pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, lebihan **akaun semasa** dijangka kekal tinggi pada 14.4% daripada PNK. Lebihan besar dalam akaun semasa akan disokong terutamanya oleh imbangan perdagangan tinggi yang terus disokong oleh eksport komoditi dan keluaran bukan E&E yang kukuh. Lebihan ini diperkukuh lagi oleh lebihan berterusan dalam akaun perkhidmatan berikutan peningkatan perolehan daripada pelancongan. Akaun kewangan juga dijangka terus menggalakkan, disokong terutamanya oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang berterusan.

Lebihan akaun semasa dijangka disokong oleh imbangan perdagangan yang besar dan lebihan dalam akaun perkhidmatan. Akaun kewangan akan disokong oleh aliran masuk berterusan pelaburan langsung asing

Sejajar dengan keadaan luar negeri yang lemah, eksport kasar dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 1.8%, disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih rendah terhadap eksport perkilangan, khususnya keluaran E&E. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport komoditi yang secara relatif kukuh, disokong oleh harga minyak sawit dan minyak mentah yang lebih tinggi serta permintaan yang tinggi terhadap keluaran bukan E&E,

Jadual 4.3
Imbangan Pembayaran

	2007*a*	2008*r*
	RM bilion	
Barangan	128.1	131.1
Akaun perdagangan	100.3	104.2
Eksport (% perubahan tahunan)	*2.7*	*1.8*
Import (% perubahan tahunan)	*5.0*	*1.4*
Perkhidmatan	1.0	1.0
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**129.1**	**132.1**
Pendapatan	-13.7	-16.1
Pindahan semasa	-16.1	-17.7
Imbangan akaun semasa	**99.3**	**98.3**
% daripada PNK	**15.8**	**14.4**
Akaun modal	-0.1	
Akaun kewangan	-37.0	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**-37.1**	
Kesilapan dan ketinggalan antaranya:	-16.9	
Pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*-5.6*	
Imbangan keseluruhan	**45.3**	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

khususnya dari rantau Asia, dijangka mengimbangi sebahagian daripada impak tersebut.

Eksport perkilangan dijangka merosot 1.6%, mencerminkan permintaan terhadap keluaran E&E yang terus perlahan, terjejas oleh kelemahan ekonomi AS. Impaknya akan dirasai terutamanya terhadap eksport komputer dan alat ganti. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport separa konduktor yang mampan, didorong oleh permintaan dari rantau Asia-Pasifik dijangka dapat mengimbangi sebahagian impak tersebut. Eksport perkilangan juga akan disokong oleh pertumbuhan eksport bukan E&E termasuk keluaran berasaskan sumber dan logam tertentu yang terutamanya ke rantau ini. Keluaran halal juga dijangka terus memperoleh momentum dalam pasaran Timur Tengah pada tahun itu.

Eksport **komoditi pertanian** dijangka terus memberangsangkan, berkembang 23.7% pada tahun 2008, didorong terutamanya oleh perolehan minyak sawit dan getah yang lebih tinggi. Pertumbuhan perolehan minyak sawit dijangka disokong harga yang lebih tinggi, dan juga pemulihan dalam jumlah eksport. Eksport getah juga dijangka meningkat disebabkan harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi sejajar dengan peningkatan dalam pengeluaran getah dan permintaan yang berterusan daripada negara pengimport utama.

Pertumbuhan dalam **eksport mineral** dijangka lebih tinggi pada 10.3% (2007: 7.5%), mencerminkan peningkatan eksport minyak mentah dan LNG. Peningkatan eksport minyak mentah akan didorong oleh jumlah eksport yang lebih tinggi sejajar dengan pengeluaran daripada telaga minyak Kikeh dan harga yang tinggi. Eksport LNG akan disokong oleh permintaan yang berterusan daripada negara pengimport utama.

Pertumbuhan dalam **import kasar** dijangka berpunca daripada peningkatan pengembangan import barangan modal dan penggunaan. Import modal dijangka bertambah kukuh (8.5%) seiring dengan pengembangan kapasiti dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas, dan perkilangan. Penghantaran kapal-kapal dan pesawat baharu masing-masing bagi memenuhi permintaan eksport komoditi yang kukuh dan peningkatan perjalanan intrarantau akan menyebabkan import modal yang lebih tinggi dalam industri perkhidmatan. Pembangunan berterusan telaga minyak dan gas baharu dan infrastruktur berkaitan juga akan menghasilkan import modal yang lebih tinggi. Import barangan penggunaan akan disokong oleh pertumbuhan penggunaan swasta.

Jadual 4.4
Perdagangan Luar Negeri

	2007*a*		2008*r*	
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)
Eksport kasar	**605.2**	**2.7**	**616.2**	**1.8**
antaranya:				
Perkilangan	474.7	0.3	467.2	-1.6
Pertanian	52.4	24.4	64.8	23.7
Mineral	61.1	7.5	67.4	10.3
Import kasar	**504.8**	**5.0**	**512.0**	**1.4**
antaranya:				
Barangan modal	69.9	7.2	75.9	8.5
Barangan pengantara	358.8	6.9	355.5	-0.9
Barangan penggunaan	28.9	3.6	29.9	3.3
Imbangan perdagangan	**100.3**		**104.2**	

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sejajar dengan prestasi sektor E&E yang lebih lemah, import barangan pengantara (yang mencakupi 69% daripada jumlah import) dijangka merosot.

Pada tahun 2008, **akaun perkhidmatan** dijangka mencatat lebihan sekali lagi, disokong terutamanya oleh perolehan pelancongan yang bertambah disebabkan ketibaan pelancong yang lebih tinggi berikutan Kempen Tahun Melawat Malaysia yang dilanjutkan hingga bulan Ogos 2008. Ketibaan pelancong dijangka meningkat kepada 22.5 juta pelawat (2007: 21 juta pelawat) sekali gus menyumbang kepada lebihan perjalanan yang lebih besar. Selain ketibaan pelancong dari negara-negara ASEAN, pelawat-pelawat dari India, RR China dan pasaran Timur Tengah dijangka terus meningkat. Pengembangan berterusan dalam industri SSO dan ICT dijangka menyumbang kepada perolehan yang lebih tinggi daripada eksport komputer dan perkhidmatan maklumat. Sementara itu, pelaksanaan projek-projek RMKe-9 dan pembangunan koridor ekonomi serta peningkatan aktiviti dalam sektor minyak dan gas akan mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan import, khususnya perkhidmatan pembinaan dan profesional. Pembayaran kepada penyedia perkhidmatan asing dalam bidang berkaitan dengan perkhidmatan komunikasi dan multimedia juga dijangka meningkat berikutan permintaan terhadap perkhidmatan transmisi yang semakin tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** diramal pada 2.4% daripada PNK. Defisit itu disebabkan terutamanya oleh keuntungan dan dividen besar yang mapan terakru kepada syarikat multinasional asing (MNC) hasil daripada pelaburan mereka di Malaysia, khususnya dalam sektor minyak dan gas, sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sementara itu, keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka terus tinggi, terutamanya daripada sektor minyak dan gas, perkhidmatan, pertanian dan utiliti.

Akaun kewangan dijangka disokong terutamanya oleh aliran masuk dana asing yang berterusan untuk pelaburan jangka panjang. **Pelaburan langsung asing** (*foreign direct investment*, FDI) dijangka berpunca terutamanya daripada perolehan tertahan MNC yang beroperasi di Malaysia dan aliran masuk modal ekuiti baharu untuk pemerolehan perniagaan dalam negeri oleh pelabur asing. Pelaksanaan koridor ekonomi baharu juga dijangka menarik aliran masuk FDI baharu. FDI dalam *sektor perkilangan* diramalkan terus besar, berikutan projek perkilangan bertahap lebih tinggi yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 2006 dan 2007 (masing-masing RM20.2 bilion dan RM33.4 bilion). Sebahagian besar projek yang diluluskan adalah untuk industri keluaran E&E yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi; keluaran petroleum termasuk petrokimia; keluaran logam asas; kertas dan percetakan; dan bahan kimia dan keluaran kimia.

Pelaburan langsung asing dalam *sektor perkhidmatan* akan mencerminkan terutamanya pelaburan asing dalam subsektor kewangan dan insurans; dan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berikutan liberalisasi yang progresif dan pembangunan pesat dalam sektor kewangan, khususnya kewangan Islam, di samping penubuhan operasi SSO dan syarikat-syarikat teknologi maklumat berstatus MSC di Malaysia oleh MNC. Penyertaan asing dalam subsektor perdagangan borong dan runcit dan subsektor penginapan dan restoran akan selari dengan perkembangan berterusan dalam sektor pelancongan. Fokus terhadap bidang pembangunan utama seperti pendidikan, kesihatan, logistik dan aktiviti berkaitan pelancongan dalam koridor-koridor ekonomi juga berkemungkinan merangsang aliran masuk FDI baharu ke dalam sektor perkhidmatan. Dengan mengambil kira harga tenaga yang berterusan tinggi dan aktiviti pengeluaran huluan yang berterusan, FDI dalam *sektor minyak dan gas* dijangka terus besar.

Sementara itu, **pelaburan luar negeri langsung** oleh syarikat-syarikat Malaysia yang sudah terkenal dijangka terutamanya melalui pemerolehan kepentingan yang besar dalam perniagaan di luar negara, yang bertujuan meluaskan asas pasaran dan meneroka peluang baharu serta menempatkan syarikat mereka sebagai peserta serantau dan global. Pelaburan ini diramalkan menyeluruh dengan sebahagian besar daripada aliran keluar disalurkan kepada *sektor perkhidmatan*, khususnya subsektor kewangan dan insurans; harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; perdagangan borong dan runcit; penginapan dan restoran; dan utiliti. Sementara itu, pelaburan dalam *sektor minyak dan gas* dan *sektor pembinaan* dijangka berterusan

memandangkan permintaan global terhadap tenaga yang diramalkan kukuh serta tahap pembangunan infrastruktur yang pantas di rantau ini dan Timur Tengah.

Meskipun begitu, jangkaan kelembapan ekonomi global dan peningkatan ketidakpastian dalam pasaran kewangan global berkemungkinan memberikan sedikit kesan terhadap prospek aliran masuk FDI dan pelaburan luar negeri langsung oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Prospek Inflasi pada Tahun 2008

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata 2.5 - 3% pada tahun 2008 (2007: 2%) mencerminkan kesan sampingan inflasi global, serta permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Meskipun pertumbuhan ekonomi global dijangka menurun, keadaan permintaan dalam negeri yang memberangsangkan dijangka mengekalkan aktiviti ekonomi keseluruhan pada tahap yang agak tinggi, walaupun di bawah potensi kapasiti produktif. Permintaan penggunaan terhadap barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah dijangka disokong oleh jangkaan keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan positif dalam upah sektor swasta. Pelarasan gaji dalam sektor awam, pendapatan masyarakat luar bandar yang lebih tinggi ekoran harga komoditi yang terus tinggi dan pelaksanaan skim pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembayaran balik pinjaman perumahan, kesemuanya dijangka menyokong penggunaan dalam negeri. Jangkaan pertumbuhan dalam aktiviti pelaburan swasta, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan koridor pertumbuhan ekonomi baharu akan terus meningkatkan permintaan dalam negeri pada tahun 2008.

Tempoh ketidakpastian yang tinggi yang menyelubungi prospek pertumbuhan global dan inflasi yang nyata mulai separuh kedua tahun 2007 dijangka berterusan pada tahun 2008. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, Malaysia terdedah kepada tekanan harga atau kejutan makroekonomi dari luar negara. Terdapat tanda-tanda awal bahawa perkembangan harga global, terutamanya kenaikan kukuh harga komoditi dan inflasi yang lebih tinggi di negara rakan dagangan utama Malaysia, telah mula memberikan tekanan menaik terhadap harga dalam negeri. Komponen harga import dalam IHP mencatat aliran menaik, daripada kenaikan sebanyak 0.3% setahun pada bulan Jun 2007 kepada 1.5% setahun pada bulan Disember 2007. Tekanan harga luaran dijangka terus mempengaruhi perkembangan harga dalam negeri pada tahun 2008.

Masih terdapat banyak ketidakpastian berhubung dengan harga global komoditi, terutamanya bagi minyak mentah dan bahan makanan. Harga minyak mentah global terus tinggi, berada dalam julat USD90 -100 setong pada bulan Januari-Februari 2008. Seperti dahulu, perkembangan seumpama itu dijangka memberikan kesan terhadap harga global, pada peringkat pengeluar dan juga pengguna. Peningkatan kos bahan api sudah pun menyumbang kepada caj pengangkutan dan tambang yang lebih tinggi dalam industri perkapalan dan penerbangan. Walaupun harga bahan api dalam negeri sebahagiannya ditampung oleh subsidi Kerajaan, kesan harga minyak mentah yang tinggi yang menular melalui rangkaian penawaran input barangan import lain dan akhirnya terhadap harga pengguna perlu dipantau dengan rapi.

Sementara itu, harga bahan makanan dunia juga dipengaruhi oleh perkembangan kitaran dan struktur. Data daripada Laporan Prospek Tanaman dan Keadaan Makanan terbitan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) edisi bulan Februari 2008 menunjukkan bahawa nisbah bekalan global (stok sedia ada dan pengeluaran baharu) bijirin, merangkumi gandum, beras dan bijirin kasar, kepada penggunaan global, sedang mengalami penurunan daripada 1.24 pada tahun 2005/06 kepada 1.20 pada tahun 2006/07, dan kepada 1.19 pada tahun 2007/08. Perkembangan ini mencerminkan sebahagiannya, kekangan bekalan global dalam keadaan permintaan yang kukuh daripada peningkatan permintaan, dan juga sumber permintaan baharu seperti untuk pengeluaran biobahan api. Ini mungkin mempunyai implikasi terhadap kos stok makanan ternakan, menyebabkan harga daging, ayam itik dan susu yang lebih tinggi bagi pengguna. Dalam keadaan bekalan yang ketat, gangguan pengeluaran ekoran daripada keadaan cuaca buruk boleh menyebabkan jangka masa harga bahan makanan terus tinggi dan tidak menentu, secara berpanjangan.

Sedikit sebanyak, pelaksanaan harga yang ditadbir dan subsidi Kerajaan terhadap bahan makanan yang diimport boleh mengurangkan

atau menunda kesan sampingan terhadap harga makanan dalam negeri. Bagi bahan makanan yang tidak berada di bawah sebarang bentuk kawalan harga, bahan bukan makanan, atau barangan pengantara seperti makanan haiwan, kesan sampingan akan bergantung pada keadaan permintaan semasa, keanjalan permintaan terhadap produk berkenaan, serta strategi perniagaan para pengeluar atau pengedar. Kemampuan pengeluar untuk memindahkan kenaikan kos kepada harga pengguna banyak bergantung pada kekuatan permintaan penggunaan. Ini juga bergantung kepada sejauh mana keupayaan pengguna menggantikan barangan yang lebih mahal dengan barangan yang lebih murah. Persaingan dan kebimbangan terhadap kehilangan bahagian pasaran boleh mengekang kenaikan harga yang tidak berpatutan.

Ketidakpastian terhadap prospek inflasi bertambah dari segi potensi permintaan upah yang lebih tinggi oleh sektor swasta yang akan memberikan kesan kepada kenaikan paras harga umum yang lebih meluas. Upah sektor swasta dijangka meningkat disebabkan permintaan terhadap pekerja yang masih kukuh. Walau bagaimanapun, pada tahap ini, tidak banyak petanda bahawa kos pekerja akan naik dengan kadar yang lebih pantas pada tahun 2008 berbanding dengan tempoh sebelumnya. Seperti masa dahulu, kemasukan pekerja asing yang mahir dan tidak mahir dijangka menambah jumlah tenaga kerja domestik untuk mengimbangi permintaan terhadap pekerja dan dengan itu mengurangkan tekanan upah. Pada tahun 2007, bilangan pekerja penghijrah dan ekspatriat yang bekerja di Malaysia meningkat dengan ketara masing-masing sebanyak 9.4% dan 5.7% (2006 : 3% dan -1.3%). Tambahan lagi, kenaikan upah pada amnya setara dengan peningkatan produktiviti pekerja, yang dengannya menyebabkan kenaikan kos setiap pekerja, mungkin secara relatif kecil dan tidak memberi kesan besar terhadap inflasi.

Satu faktor yang mengimbangi risiko tekanan harga yang lebih tinggi ialah prospek ekonomi global yang lebih lemah, yang boleh menyebabkan harga komoditi global yang lebih rendah dan sekali gus menurunkan inflasi global. Pertumbuhan ekonomi global diramalkan menjadi sederhana kepada 3.7% pada tahun ini (2007: 4.7%), sejajar dengan persekitaran yang kurang memberangsangkan dalam ekonomi negara maju dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Ini mungkin dapat membendung kenaikan dalam harga komoditi global.

Jadual 4.5
Purata Pertumbuhan bagi Kenaikan Gaji bagi Eksekutif di Sektor Swasta

	2007	2008*r*
Hay Group	6.5	6.4
Tower Perrins	5.6	5.8
FMM	5.6	5.9
MEF	6.2	5.7
Watson Wyatt	5.6	5.6
Purata	**5.9**	**5.9**

r Ramalan

DASAR MONETARI TAHUN 2008

Pada tahun 2008, persekitaran luar negeri dijangka menjadi lebih mencabar disebabkan pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian diramalkan menjadi sederhana, manakala tekanan harga berpotensi untuk terus tinggi. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka menyokong momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia. KDNK benar Malaysia dijangka berkembang 5 – 6% pada tahun 2008.

Tekanan harga pada tahun 2008 dijangka menjadi lebih kuat berikutan persekitaran inflasi dalam negeri yang secara relatif rendah pada tahun 2007. Inflasi keseluruhan dijangka berada antara 2.5 – 3%, didorong oleh kesan sampingan harga input dan juga harga global yang lebih tinggi bagi bahan makanan, komoditi dan bahan mentah lain. Pada akhir tahun 2007, inflasi wajaran bagi negara-negara yang menjadi sumber import utama bagi Malaysia telah meningkat kepada 3.6% setahun dan masih menunjukkan peningkatan.

Terdapat beberapa faktor yang dapat membantu membendung tekanan inflasi pada tahun 2008. Tekanan persaingan dan penggantian oleh pengguna daripada barangan yang lebih mahal kepada barangan yang kurang mahal boleh mengurangkan keupayaan pengeluar untuk memindahkan kos mereka kepada harga pengguna akhir. Pertumbuhan global yang lebih perlahan dapat melegakan tekanan terhadap harga bahan makanan dan komoditi global serta mengurangkan inflasi di negara-negara rakan import Malaysia.

Dasar Kerajaan untuk memastikan adanya barangan asas yang cukup juga berperanan mengurangkan kos barangan tersebut. Dengan ekonomi dijangka beroperasi di bawah potensinya, kapasiti lebihan yang ada juga akan mengurangkan tekanan harga. Permintaan yang lebih perlahan juga mungkin melegakan tekanan kos pekerja dan peningkatan upah besar kemungkinan lebih mencerminkan peningkatan produktiviti.

Pengendalian dasar monetari pada tahun 2008 akan menghadapi beberapa cabaran. Penentuan keseimbangan risiko terhadap inflasi dan pertumbuhan akan menjadi lebih sukar untuk diukur ekoran tahap ketidaktentuan yang tinggi berhubung dengan persekitaran makroekonomi dan kewangan global. Masalah dalam pasaran kewangan global dan sejauh mana kesannya terhadap aktiviti ekonomi benar di AS dan peringkat global tetap merupakan sumber risiko yang besar. Lebih lama masalah ini berlanjutan, lebih lama lagi tempoh kesan negatifnya terhadap ekonomi global. Penghindaran risiko, kekangan kredit dan kesan kekayaan negatif dijangka menekan sentimen pengguna dan pelabur, mengakibatkan kelemahan permintaan global yang lebih mendalam dan berpanjangan. Meskipun asas ekonomi domestik Malaysia kekal teguh, hakikat bahawa Malaysia mempunyai ekonomi yang sangat terbuka bermakna perkembangan antarabangsa akan memberikan impak terhadap ekonomi domestik. Dari segi inflasi, ketidaktentuan mengenai kedalaman dan kepanjangan pertumbuhan global yang lebih perlahan dan tahap keupayaannya untuk menurunkan harga komoditi akan mempengaruhi prospek inflasi.

Cabaran kedua ialah mengurus aliran modal yang lebih kerap, besar dan tidak menentu, dan kesannya terhadap kadar pertukaran mata wang, mudah tunai domestik dan harga aset. Sentimen pasaran yang pesat berubah, pencarian pulangan yang lebih tinggi dan perubahan premium risiko secara tiba-tiba merupakan faktor-faktor yang mendorong aliran yang tidak menentu seumpama itu. Aliran masuk dan keluar jangka pendek yang besar boleh mengakibatkan ketidakstabilan pergerakan kadar pertukaran mata wang yang memberikan masalah bagi peniaga dan pengguna dalam mengambil keputusan ekonomi dan dengan itu boleh memberikan kesan negatif terhadap ekonomi benar. Peningkatan mudah tunai ekoran daripada aliran masuk yang besar juga boleh menyebabkan inflasi dan herotan harga aset kewangan dan benar dalam ekonomi domestik. Menyedari bahawa aliran seumpama itu akan memberikan cabaran yang lebih besar kepada pengendalian dasar monetari, Bank Negara Malaysia semakin menambah rangkaian instrumennya untuk mengurus aliran itu dan meningkatkan mekanisme pengawasan bagi memastikan aliran seumpama itu tidak akan mengganggu kelicinan perjalanan sistem kewangan dan ekonomi.

Dalam persekitaran yang tidak menentu ini, fokus dasar monetari pada tahun 2008 adalah pada usaha mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan juga mengekalkan kestabilan harga dalam jangka pertengahan dan jangka panjang. Dalam merumuskan dasar monetari, Bank Negara Malaysia akan terus memandang ke hadapan dan akan menimbang kesan perkembangan terkini terhadap pertumbuhan dan inflasi. Bank sentiasa bersedia untuk menyesuaikan dasar monetari sekiranya prospek pertumbuhan atau inflasi berubah dan jenis masalah memerlukan perubahan dalam dasar monetari. Berhubung dengan kestabilan harga, penting untuk mengambil perhatian bahawa tidak semua sumber tekanan inflasi memerlukan tindak balas dasar monetari. Dasar monetari terutamanya ialah alat pengurusan permintaan. Oleh itu, ia mempunyai pengaruh yang terhad dari segi keupayaan untuk mengurangkan tekanan harga tolakan kos yang berpunca daripada kenaikan harga global bagi bahan makanan dan komoditi. Tambahan lagi dasar lain adalah lebih sesuai sekiranya masalah itu berkaitan struktur atau didorong oleh faktor berkaitan penawaran.

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah trend paras keluaran yang selaras dengan kapasiti produktif agregat sesebuah ekonomi. Ia menunjukkan suatu penentu yang jelas untuk kadar pertumbuhan mampan berasaskan input produktif yang ada. Pertumbuhan dalam keluaran potensi ditentukan terutamanya oleh pengembangan dan penggunaan tanpa tekanan inflasi modal fizikal dan tenaga kerja serta pertumbuhan produktiviti faktor menyeluruh (total factor productivity, TFP), yang menggambarkan peningkatan produktiviti hasil daripada penggunaan input faktor yang bertambah baik dan juga kecekapan ekonomi secara menyeluruh.

Anggaran terkini bagi Malaysia menunjukkan keluaran potensi meningkat 6.4% pada tahun 2007, dengan jurang keluaran[1] dianggarkan pada purata -0.1% daripada keluaran potensi. Oleh itu, ekonomi Malaysia bercirikan pertumbuhan yang seimbang, dengan jurang keluaran negatif yang kecil. Ini menunjukkan prestasi ekonomi hampir mencapai potensinya dengan tekanan inflasi yang berpunca daripada permintaan adalah minimum. Pertumbuhan disokong oleh peningkatan berterusan dalam produktiviti dan pengembangan stok modal dan tenaga kerja pada tahun tersebut.

Jadual 1
KDNK Sebenar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK Sebenar	Keluaran Potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang Keluaran
	(Perubahan tahunan %)				(% drpd keluaran potensi)
1993-1999	6.4	6.5	3.5	3.2	0.0
2000	8.9	4.0	25.6	4.3	2.2
2001	0.3	4.6	-2.1	1.6	-1.8
2002	4.4	3.9	0.6	3.5	-0.4
2003	5.5	6.0	2.8	3.6	-0.5
2004	7.2	5.5	3.6	4.0	0.7
2005	5.2	5.2	5.0	4.1	0.5
2006	5.9	6.3	7.9	2.2	0.1
2007*a*	6.3	6.4	9.2	2.0	-0.1

a Anggaran

Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang secara relatif seimbang sejak tahun 2000, seperti yang digambarkan oleh jurang keluaran yang berada pada purata kurang ±1% daripada keluaran potensi. Ekonomi Malaysia telah berkembang daripada

Rajah 1
KDNK Sebenar dan Potensi



r Ramalan

Rajah 2
Sumbangan Faktor dan Pertumbuhan Produktiviti Faktor Menyeluruh



a Awalan

[1] Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan keluaran potensi dan jurang ini diukur sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Jurang keluaran positif menunjukkan keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, manakala jurang keluaran negatif menunjukkan sebaliknya.

pertumbuhan berteraskan modal pada tahun 1990-an kepada pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) (rujuk carta 2). Sejajar dengan strategi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), peningkatan tahap produktiviti melalui pengetahuan tenaga kerja yang lebih mendalam dan juga kecekapan dalam penggunaan modal dan kemajuan teknologi, dijangka terus meningkatkan sumbangan TFP. Aktiviti pelaburan swasta yang telah meningkat sejak tahun 2003 setelah terjejas oleh iklim pelaburan yang lembap sejak krisis Asia, telah memberi sumbangan yang menggalakkan kepada pertumbuhan keluaran potensi. Trend bagi aktiviti pelaburan swasta ini dijangka berterusan pada masa hadapan kerana terdapat permintaan dalam negeri yang kukuh dan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan keluaran potensi ekonomi dijangka melebihi 6% pada tahun 2008, disokong oleh pengembangan stok modal dan tenaga kerja. Namun begitu, jurang keluaran dijangka menjadi luas sedikit berikutan penyederhanaan yang kecil dalam keluaran sebenar yang diunjurkan pada tahun ini.

Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, Malaysia telah mengambil peluang daripada globalisasi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan mempelbagaikan struktur ekonominya. Usaha untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan dengan negara luar yang lain telah menyumbang kepada paras perdagangan luar yang tinggi, paras pelaburan langsung asing yang mampan dan peningkatan dalam usaha niaga di luar negeri oleh syarikat dan institusi kewangan Malaysia. Malaysia adalah komited untuk meliberalkan peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif untuk terus menggalakkan daya saing ekonomi dan memastikan manfaat ekonomi daripada liberalisasi mengatasi risiko dan kosnya. Proses liberalisasi secara berurutan dan beransur-ansur telah membawa kepada pulangan ekonomi yang positif bagi negara melalui penurunan kos menjalankan perniagaan, peningkatan sistem penyampaian pengawalseliaan dan pemudahan pembangunan sistem kewangan domestik yang kukuh.

Pada awal tahun 2007, sebanyak 15 peraturan pentadbiran pertukaran asing telah diliberalkan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006. Berikutan itu, beberapa peraturan pentadbiran pertukaran asing telah diliberalkan lagi untuk menyokong objektif makroekonomi secara keseluruhan bagi meningkatkan daya saing dan kefleksibelan ekonomi Malaysia seperti berikut:

Objektif	Peraturan yang telah diliberalkan
1. Menurunkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan kecekapan perniagaan	• Berkuat kuasa 28 November 2007, syarikat pemastautin yang mempunyai perolehan eksport adalah bebas untuk membuat pembayaran dalam mata wang asing kepada syarikat pemastautin yang lain bagi tujuan penjelasan barangan dan perkhidmatan. • Berkuat kuasa 1 Oktober 2007, (i) Nilai ambang urus niaga bagi pembayaran dan penerimaan antara individu pemastautin dan bukan pemastautin yang perlu dilaporkan dinaikkan kepada RM200,001 atau bersamaan dalam mata wang asing, daripada nilai ambang berjumlah RM50,001 sebelum ini bagi setiap urus niaga.

Objektif	Peraturan yang telah diliberalkan
	(ii) Keperluan untuk pendaftaran bagi urus niaga berikut telah dimansuhkan: ➢ Kontrak pertukaran asing hadapan yang diikat oleh pemastautin; ➢ Pinjaman dalam ringgit yang diberikan oleh pemastautin kepada bukan pemastautin bagi tujuan membiayai pembelian atau pembinaan harta tak alih di Malaysia; ➢ Pelaburan dalam aset mata wang asing oleh pemastautin. ➢ Peminjaman dalam mata wang asing oleh syarikat pemastautin daripada: -bank tempatan berlesen; -bukan pemastautin; dan -syarikat pemastautin yang lain dalam kumpulan korporat yang sama dengan menggunakan dana yang diperoleh daripada Tawaran Awam Awal di bursa saham di luar negeri; dan ➢ Pembayaran balik peminjaman dalam mata wang asing (tanpa jadual pembayaran balik) yang dibenarkan, atau prabayaran. • Berkuat kuasa 1 Januari 2008, keperluan untuk mengemukakan laporan-laporan berikut dimansuhkan: (i) Penyata Akaun Luar Negeri (Statement OA) bagi akaun yang disenggarakan oleh syarikat pemastautin dengan bank luar negeri; dan (ii) Penyata Akaun Antara Syarikat (Statement IA) bagi akaun yang disenggarakan oleh syarikat pemastautin dengan syarikat bukan pemastautin.
2. Memudahkan pembangunan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam	• Berkuat kuasa 1 Oktober 2007, syarikat amanah saham dan pengurusan dana adalah bebas untuk melabur keseluruhan dana Islam di bawah pengurusan masing-masing dalam aset mata wang asing. (Sebelum ini, had pelaburan dalam aset mata wang asing adalah sehingga 50% daripada Nilai Aset Bersih atau daripada keseluruhan dana milik pemastautin yang mempunyai peminjaman domestik dalam ringgit).
3. Memudahkan perlindungan nilai dan pembangunan pasaran komoditi niaga hadapan di Malaysia	• Berkuat kuasa 15 Januari 2008, kefleksibelan berikut diberikan untuk memudahkan transaksi kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (US dollar denominated crude palm oil futures contracts, USD FUPO) di Bursa Malaysia: (i) Pengecualian pelaburan oleh pemastautin dalam USD FUPO di Bursa Malaysia daripada peraturan pelaburan dalam aset mata wang asing, sekiranya kontrak tersebut dijelaskan dalam ringgit; dan

Objektif	Peraturan yang telah diliberalkan
	(ii) Membenarkan broker komoditi niaga hadapan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk bertindak sebagai ejen bagi bank tempatan berlesen untuk memberikan sebut harga kadar pertukaran untuk memudahkan penyelesaian USD FUPO dengan Bursa Malaysia.
4. Menyokong pembangunan bidang pertumbuhan ekonomi yang baharu	• Berkuat kuasa 24 September 2007, syarikat pemastautin yang diluluskan di bawah rangka kerja Wilayah Pembangunan Iskandar dan syarikat bioteknologi yang diluluskan di bawah Dasar Bioteknologi Negara, bebas membuat transaksi berikut: (i) Membuat dan menerima pembayaran dalam mata wang asing dengan pemastautin, selain daripada mata wang Israel; (ii) Meminjam tanpa had dalam mata wang asing daripada bank-bank tempatan berlesen dan bukan pemastautin; (iii) Membuat pelaburan tanpa had dalam aset mata wang asing di dalam dan luar negeri; dan (iv) Menyimpan perolehan eksport di luar negeri.
5. Meningkatkan kefleksibelan pengurusan risiko bagi pelaburan dalam aset ringgit oleh bukan pemastautin	• Berkuat kuasa 1 Oktober 2007, keperluan bagi bukan pemastautin untuk membuat pelaburan semula hasil jualan aset ringgit dalam jangka masa 7 hari bekerja sebelum tarikh matang kontrak pertukaran asing hadapan dimansuhkan.

Peraturan pentadbiran pertukaran asing yang lain yang terpakai kepada bukan pemastautin dan pemastautin sebahagian besarnya adalah bagi tujuan kehematan dan akan dikaji semula secara progresif untuk terus menggalakkan daya saing ekonomi Malaysia. Peraturan tersebut boleh dikategorikan secara umum kepada enam bidang utama seperti yang berikut:



Nota penjelasan terkandung dalam Tambahan.

DASAR FISKAL TAHUN 2008

Bajet 2008 mengetengahkan pelbagai langkah berkaitan dengan dasar cukai dan bukan cukai yang meluas untuk mempertingkatkan daya saing negara, memperkasakan pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia. Dasar fiskal pada tahun 2008 juga tertumpu pada usaha untuk mempercepat pelaksanaan projek dan program yang telah dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam mempertingkatkan daya saing negara, beberapa langkah utama seperti dasar cukai yang kompetitif dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam telah diperkenalkan. Dalam Bajet 2008, Kerajaan juga mengurangkan cukai pendapatan korporat sebanyak dua mata peratusan dalam dua peringkat, iaitu kepada 26% bagi tahun taksiran 2008 dan kemudiannya kepada 25% bagi tahun taksiran 2009, dan memperkenalkan sistem cukai *single-tier*, dengan keuntungan hanya dikenakan cukai pada peringkat syarikat manakala dividen yang diterima dikecualikan daripada cukai. Untuk mempromosi sektor kewangan Islam dan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah baharu, termasuk insentif cukai untuk syarikat pembrokeran sedia ada menubuhkan subsidiari pembrokeran Islam, mengecualikan cukai pendapatan atas semua fi berkaitan aktiviti pengurusan dana Islam, dan termasuk fi diperoleh juru perunding bukan pemastautin yang berkepakaran dalam kewangan Islam, dan potongan cukai terhadap perkongsian keuntungan yang diagihkan bagi industri takaful. Sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk memastikan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) ditubuhkan untuk merumus langkah-langkah bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dengan mengkaji semula prosedur dan menyarankan proses alternatif untuk mengurangkan kos pentadbiran dan pengawalseliaan dalam menjalankan perniagaan di Malaysia.

Kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh pada tahun 2008. Peningkatan dalam hasil keseluruhan, ekoran daripada peningkatan kecekapan dalam kutipan hasil dan peningkatan pendapatan berkaitan minyak, akan membolehkan Kerajaan Persekutuan meningkatkan perbelanjaan, di samping mengurangkan defisit bajet kepada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2008 (3.2% pada tahun 2007). Kenaikan dalam emolumen selepas penyelarasan gaji kakitangan awam pada bulan Julai 2007 adalah antara penyumbang perbelanjaan mengurus yang ketara. Dari segi perbelanjaan pembangunan, perhatian khusus diberikan pada sektor ekonomi dan sosial dalam usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi dengan nilai ditambah yang lebih tinggi, memperkukuh pembangunan modal insan, dan menangani ketidaksaksamaan sosioekonomi. Oleh itu, sebahagian besar daripada perbelanjaan

Jadual 4.6
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan %	
	2007*a*	2008*B*	2007*a*	2008*B*
Hasil	139.9	146.4*	13.2	4.7
Jumlah perbelanjaan	163.6	168.8	14.0	3.1
Perbelanjaan mengurus	*123.1*	*128.8*	*14.3*	*4.6*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*40.6*	*40.0*	*13.3*	*-1.4*
Terimaan balik pinjaman	3.1	0.8		
Imbangan keseluruhan	**-20.7**	**-21.6**		
% daripada KDNK	**-3.2**	**-3.1**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	25.8	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-4.3	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-0.8	-		

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
a Awalan
B Bajet
* Hasil yang digunakan adalah termasuk kehilangan hasil cukai yang mungkin wujud daripada pelaksanaan Bajet 2008
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan

Rajah 4.5
Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet

pembangunan akan disalurkan kepada sektor ekonomi (pertanian dan infrastruktur) dan sektor sosial (pendidikan, kesihatan dan perumahan). Dari segi pembiayaan, Kerajaan terus bergantung pada sumber dalam negeri bagi membiayai defisit fiskal, memandangkan tabungan dalam negeri yang tinggi dan keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.